

JEMAAH TERPILIH SELEPAS RAYUAN

BAYAR RM30,850 SEORANG

HARIAN METRO 23/6/2023 M/S: 24

Bernama

Makkah

Jemaah haji dalam kalangan B40 dan M40 yang terpilih ke Tanah Suci selepas membuat rayuan perlu membayar kos haji penuh berjumlah RM30,850 seorang kerana mereka tidak berada dalam giliran menunaikan haji tahun semasa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, ketutamaan menunaikan ibadat haji bagi tahun ini diberikan kepada mereka yang tersebar melaksanakannya pada 2020, 2021 dan 2022 yang tertangguh akibat pandemik Covid-19.

"Apabila ada kekosongan, kita buka giliran kepada mereka yang berada di luar giliran. Giliran mereka ini mungkin pada 2025, 2026 atau 2027 dan layak menerima bantuan kewangan haji pada tahun itu."

"Tetapi apabila mereka ini membuat rayuan dan berjaya, polisi rayuan ini ialah mereka yang ada kemampuan atau istito'ah (membayar jumlah penuh)," katanya ketika sesi ramah mesra bersama jemaah haji di Ibu Pejabat Tabung Haji (TH) Makkah, Abraj Janadriyah di sini.

Beliau menjawab soalan diajukan seorang jemaah haji wanita bertanyakan mengapa jemaah haji dalam kalangan B40 dan M40 yang terpilih menunaikan haji selepas membuat rayuan perlu menanggung kos haji seperti golongan T20.

Bayaran haji untuk jemaah Muassasah bagi kumpulan B40 pertama kali menunaikan haji kekal RM10,980 seorang manakala RM15,980 seorang bagi M40.

Dalam sidang media selepas itu, Mohd Na'im menjelaskan ada 60,000 pendeposit TH menunggu giliran dan sanggup membayar jumlah penuh berkenaan, namun tidak terpilih.

"Bayangkan kalau mereka merayu ini potong giliran, dapat pula bantuan kewangan, sedangkan ada yang lain berkemampuan dan bersetuju untuk membayar RM30,850, tetapi tidak berjaya dalam rayuan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, terdapat 69 jemaah haji B40 dan M40 yang menerima tawaran menunaikan haji pada tahun ini menolak bantuan kewangan haji dengan membayar kos penuh kerana mengetahui bahawa istito'ah sebagai asas kewajipan haji.

Sementara itu, Mohd Na'im berkata, semua 31,600 jemaah haji Malaysia sudah berada di Makkah dengan penerangan terakhir membawa 357 bakal haji tiba di Jeddah pada malam semalam.

Beliau turut memaklumkan terdapat 56 jemaah haji dirawat di wad pusat rawatan TH dan lima di fasiliti kesihatan Arab Saudi.

Dalam pada itu, seorang jemaah wanita berusia 75 tahun meninggal dunia akibat jangkitan kuman dalam paru-paru pada 19 Jun lalu, menjadikan dua jemaah haji negara meninggal dunia setakat ini.

“
**Polisi rayuan ini
ialah mereka
yang ada
kemampuan atau
istito'ah**
Mohd Na'im